

06 AUG 2001

Khalil-Patriotik

RAKYAT PATRIOTIK TIDAK UNDANG CAMPUR TANGAN, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Rakyat yang patriotik tidak akan mengundang campur tangan asing untuk menentukan nasib negara mereka sendiri, kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Beliau berkata kerajaan tidak menjangka segelintir rakyat Malaysia yang mendakwa memperjuangkan keadilan sanggup menjaja masalah dalaman negara ini ke pengetahuan pihak luar yang sememangnya tidak mempunyai niat baik terhadap Malaysia.

Khalil kesal mereka ini mahu menyerahkan nasib negara ditentukan oleh pihak yang mereka anggap "sahabat" dan menjustifikasikan tindakan mereka atas nama kepentingan rakyat.

"Saya ingin nyatakan bahawa rakyat yang patriotik tidak akan berbuat demikian kerana rakyat yang patriotik adalah bermaruah dan berwibawa untuk membina dan membangunkan negara ini tanpa campur tangan orang asing," katanya pada perhimpunan bulanan kementerian berkenaan di Angkasapuri, di sini.

Khalil berkata disebabkan semangat patriotismelah negara dapat dibebaskan daripada pelbagai masalah, antaranya krisis matawang dunia dan kini globalisasi.

Beliau menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai patriot tulen kerana iltizamnya untuk tidak menyerahkan nasib rakyat Malaysia kepada orang luar seperti mana yang berlaku di beberapa negara jiran.

Khalil berkata walaupun ada yang menganggap keadaan di negara ini belum sempurna, Malaysia masih merupakan satu-satunya harapan paling baik untuk rakyatnya, khususnya bagi mereka yang tahu bersyukur.

Selain itu, beliau menolak andaian bahawa langkah negara mengadakan hubungan luar dalam pelbagai bidang termasuk ketenteraan bermakna ia mengundang campur tangan pihak asing.

"Kita tidak akan luntur semangat patriotisme sekiranya kita berurusan dengan pihak asing biarpun dalam segi ketenteraan," katanya.

Menurutnya, kerajaan sedar ada pihak mendakwa kepimpinan negara tidak patriotik apabila latihan bersama diadakan melibatkan angkatan tentera asing tetapi rakyat yang tinggi semangat patriotismenya telah mengutuk tindak-tanduk golongan itu.

Malaysia baru-baru ini mengadakan latihan ketenteraan bersama dengan Amerika Syarikat dan ia telah diputarbelitkan oleh pembangkang untuk kepentingan mereka.

-- BERNAMA

MAM ZS RON